

14/01/2001

Syed Razak enggan ulas rombakan Kabinet

ALOR STAR: Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata beliau tidak berhak membuat sebarang ulasan berhubung spekulasi rombakan Kabinet yang dilaporkan akan turut membabitkan jawatan Menteri Besar.

Menurutnya rombakan Kabinet adalah kuasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan beliau tidak perlu membuat sebarang ulasan mengenainya.

"Itu (rombakan) hak Perdana Menteri, anda tidak boleh tanya saya, kena tanya Perdana Menteri.

"Siapa pun tidak boleh kata apa, itu hak dia (Perdana Menteri), macam mana dia nak rombak mengapa dia nak rombak, itu kena tanya dia," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan Aidilfitri bersama pemimpin petani kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di Ampang Jajar, dekat sini, semalam.

Turut hadir bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff.

Berita Harian semalam melaporkan mengenai rombakan Kabinet yang dijangka dilakukan mungkin membabitkan Menteri Besar.

Spekulasi terbaru mengenai jawatan Menteri Besar Kedah timbul apabila Syed Razak dikatakan dipanggil oleh Dr Mahathir di pejabatnya di Putrajaya, kelmarin.

Laporan itu memetik sumber sebagai berkata kemungkinan Syed Razak digugurkan setelah Barisan Nasional (BN) tewas dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas pada 29 November lalu.

Syed Razak juga menafikan beliau dipanggil oleh Perdana Menteri sebaliknya menjelaskan beliau ke Kuala Lumpur untuk menghadiri mesyuarat dengan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

"Dia (Dr Mahathir) tak pernah panggil pun. Perdana Menteri balik pun saya tidak ada. (Dr Mahathir) tidak pernah panggil dan (saya) tidak pernah pergi jumpa. Saya tidak berjumpa dia sudah lama."

"Saya ke Kuala Lumpur ke tempat lain...jumpa Menteri Kewangan."

Syed Razak juga berkata beliau tidak tahu menahu mengenai spekulasi rombakan Kabinet yang dikatakan turut membabitkan Menteri Besar.

"Tak tahu, saya tak tahu, yang itu kena tanya orang yang rombak, kena tanya Perdana Menteri. Kita tidak terlibat mana kita nak tau," katanya.

(END)